

Rakyat yang mahu khidmat terbaik **tapi** menentang usaha dapatkan **wang dibidas**

UM - 3 SEP 1964

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan rakyat negara ini yang mahu perkhidmatan-perkhidmatan terbaik seperti terdapat di negara-negara maju, tetapi menentang segala kegiatan kerajaan dalam usahanya mendapatkan wang untuk pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, mereka yang terdiri dari orang berpelajaran itu mahukan jalan terbaik, hospital terbaik, alam sekitar yang baik, pencen yang baik dan hutan-hutan serta bangunan-bangunan berscajarah di pelihara.

"Tetapi mereka juga mahukan cukai rendah, kerja kurang masa di bawah pelabur-pelabur asing dan tidak mahu tol diadakan," ujar beliau.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Gabungan Dewan-Dewan Pemiagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) di sini,

beliau menambah, "pada hakikatnya tidak ada jalan lain untuk mendapatkan perkara-perkara yang kita mahu itu kecuali dengan membayar segala perkhidmatan yang kerajaan sediakan."

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian: "Malaysia secara relatif adalah miskin dan tidak mampu untuk memperoleh apa yang dapat diadakan oleh negara-negara maju."

"Walaupun sekiranya kita mahu kurang daripada yang dapat diadakan oleh negara-negara maju, tetapi kita masih dikehendaki membayarnya sungguhpun tidak secara langsung," tegas beliau.

Katanya lagi, sekiranya rakyat negara ini mahu memelihara hutan semulajadi Malaysia dan rumah-rumah atap yang cantik, mereka mesti sanggup hidup tanpa keperluan-keperluan asas yang selama ini dikapitai tanpa disedari.

"Paling menjijikkan ialah setengah-setengah penduduk bandar yang meratapi kemiskinan luar bandar tetapi setelah mereka mengeluarkan 'air mata palsu' itu, golongan tersebut akan pulang ke rumah-rumah mereka di bandar yang lengkap berhawa dingin," jelas Datuk Sri Dr. Mahathir dengan mendapat tepukan gemuruh dari para tetamu.

Menurut Perdana Menteri, kemiskinan hanya boleh dibasmi sekiranya terdapat cukup orang yang mendapatkan wang secara sah dan kemudian membayar cukai-cukai mereka supaya kerajaan boleh melancarkan skim-skim bagi meningkatkan daya pengeluaran orang-orang miskin.